



fikrah Dr Salam

Dr Abdul Salam Muhammad Shukri jawab

Penyandang Profesor Kulliyah Ilmu Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dr Abdul Salam Muhammad Shukri sedia menjawab surat-kelip yang berhadapan kami syarikat agama. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama, alamat penuh dan nombor telefon kepada Pagarang Persema Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Raya, 69200 Kuala Lumpur atau www.fikrahshukri.com.my

Tiada nafsu terhadap suami

Wanita syak terkena sihir bapa sendiri

SAYA dan suami selalu bergaduh. Bermula selepas dua hari bernikah, sehinggalah kami ingin bercerai. Tetapi alhamdulillah jodoh saya masih ada lagi dengan izin Allah. Saya berasa pelik kenapa saya tidak ada nafsu untuk suami ketika itu. Rumah tangga kami kucar-kacir, sehingga sekarang kadangkala saya benci dan tiada nafsu terhadap suami. Saya rasakan ada sesuatu yang tidak kena, seolah-olah disihir. Saya tidak tahu apa sebenar yang tersirat. Kadang-kala saya rasakan bapa saya yang menyihir kami. Bagaimana saya ingin mendapatkan kepastian dalam hal ini?

ANGAH Negeri Sembilan.

Jawapan:

ISLAM meletakkan asas pembentukan rumah tangga atas asas kebahagiaan dan ketenangan jiwa bagi kedua-dua pasangan. "Dan di antara tanda

kekuasaan-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu, isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dengannya dan dijadikan di antara kamu perasaan kasih sayang. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan bagi orang yang berfikir. (al-Quran, al-Rum (30): 21)

Setiap pasangan hendaklah memastikan rumah tangga sentiasa berpaksikan akidah tauhid, mengamalkan ajaran Islam dan syariah dalam keluarga, menjaga hubungan baik sesama keluarga dan seterusnya.

Perasaan sayang sesama pasangan hendaklah sentiasa dipupuk sepanjang masa. Pergaduhan pada awal tempoh perkahwinan mungkin berlaku sebagaimana pernah terjadi kepada anda berdua.

Ini kerana masing-masing masih dalam proses menyesuaikan diri dengan pasangan dan kehidupan berumah tangga yang baru bermula. Dengan sebab itu setiap pasangan hendaklah sentiasa bertolak ansur dan ada sifat maaf memaafi antara satu

sama lain. Dengan itu tidak akan timbul perasaan benci dan dendam.

Kita perlu mengakui yang setiap orang ada kelemahan masing-masing. Apa yang penting kita sentiasa memperbaiki diri dan cara berhubung dengan pasangan. Saya berpendapat perkara ini menjadi punca rumah tangga kucar-kacir dan tidak tenteram.

Kita tidak sepatutnya cepat menuduh ia berpunca daripada sihir dan angka manusia. Lebih-lebih lagi menganggap bapa sendiri yang terbabit.

Sihir pembenci dan pengasih mungkin berlaku seperti mana yang diakui al-Quran sendiri.

"Mereka mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh syaitan ketika pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kecurfuran itu, tetapi syaitan itulah yang kafir: kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil, sedang mereka

berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka berkata: Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (bagimu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir.

"Dalam pada itu ada juga orang mempelajari daripada mereka berdua ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan memberi mudarat dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah..." (al-Baqarah (2): 102)

Bagaimanapun, perlu diingat yang sihir hanya berkesan dengan izin Allah semata-mata.

Kita perlu meneguhkan pegangan akidah yang segala kejadian buruk atau baik adalah daripada Allah.

Bagi menangkis sihir, anda berdua dinasihatkan selalu membaca al-Quran terutama surah al-Baqarah, surah al-Ikhlas, al-Falaq dan an-Nas. Anda juga dinasihatkan supaya tidak menemui bomoh dan mengamalkan amalan yang tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Menantu dihina bapa mentua

BAPA mentua pernah menghinakan saya. Tidak cukup dengan itu, dia mengatakan benci dan meminta menceraikan anaknya.

Sejak itu saya tidak lagi pulang ke rumah mentua kerana tersinggung dengan sikapnya.

Saya juga berjanji kepada diri sendiri tidak akan berjumpa selagi dia masih hidup. Persoalannya, berdosakah saya jika membenci sikapnya? Berdosakah saya jika tidak menjenguknya?

Samakah dosa ibu bapa kita dengan mentua? Saya khuatir dikategorikan sebagai anak derhaka walaupun mentua.

MENANTU DIBENCI, Perils.

Jawapan:

SETIAP Muslim mesti memahami yang Islam sangat menitik berat silaturrahim.

Dengan itu sikap saling membenci dan memutuskan hubungan sesama saudara dilarang Islam.

Sekiranya berlaku perelisihan, mereka hendaklah didamaikan dan disambung tali persaudaraan.

Allah berfirman, maksudnya: "Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikan di antara dua saudara kamu (yang

bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat." (al-Quran, al-Hujurat (49): 10)

Rasulullah juga bersabda, maksudnya: "Tidak masuk syurga orang yang memutuskan hubungan kekeluargaan." (Hadis riwayat Muslim)

Kemudian, Baginda bersabda lagi: "Tidak ada dosa yang lebih layak dipercepat hukumannya di dunia dan apa yang dipersiapkan Allah baginya di akhirat daripada tindakan kezaliman dan memutuskan hubungan silaturrahim." (Hadis riwayat Ibnu Majah dan Tirmidzi)

Menghubungkan silaturrahim ada banyak faedahnya. Rasulullah bersabda maksudnya: "Sesapa yang ingin dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan usianya, hendaklah dia memelihara hubungan silaturrahim." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Dengan itu anda hendaklah segera memaafkan bapa mentua yang sudah terlanjur kata. Sebagai menantu hurlurkan tentang kemaafan kepada mentua.

Kunjungi atau sekurangkan telefonlah bertanya khabar mereka bagi menyambung silaturrahim dan jangan disimpan rasa marah dan benci.

Minta cerai jika mahu dimadu

SAYA berkahwin hampir 11 tahun dan mempunyai dua anak perempuan.

Baru-baru ini saya mendapat tahu suami menjalin hubungan dengan perempuan lain yang lebih muda dan cantik.

Hubungan mereka sampai ke tahap ingin berkahwin.

Apabila saya mendapat tahu perkara terbabit, suami memutuskannya hubungan itu.

Namun, kehidupan suami sekarang amat terseksa gara-gara putus cinta.

Saya berasa amat bersalah. Tetapi saya tidak rela dimadukan.

Kemudian, saya meminta suami melepaskan saya supaya dia dapat berkahwin dengan perempuan itu, tetapi dia tidak mahu.

Apa yang harus saya lakukan?

ZAZA, Kuala Lumpur.

Jawapan:

SEBAIK mungkin pasangan suami isteri hendaklah menjaga kerukunan rumah tangga yang dibina bersama.

Konflik rumah tangga boleh berlaku apabila suami mempunyai wanita lain.



HARI BAHAGIA... setiap pasangan suami isteri wajib menjaga kerukunan rumah tangga.

Lebih-lebih lagi apabila isteri enggan berdamu dan memilih untuk bercerai daripada berdamu.

Apabila keadaan ini berlaku suami terpaksa berkorban bagi menyelamatkan rumah tangga yang ada.

Bagaimanapun, suami mungkin berasa bersalah apabila mungkin janji dengan pasangannya dan impiannya gagal.

Pada kebiasaannya suami boleh-boleh tidak ingin perceraian dengan isterinya walaupun beristeri lain.

Apa yang terbaik ialah pasangan memilih

perdamaian (sulh) daripada perpisahan. "Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul daripada suaminya nusyuz, atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka membuat perdamaian di antara mereka berdua, kerana perdamaian itu lebih baik..." (al-Quran, al-Nisa' (4): 128)

Sikap maaf memaafi dan bertolak ansur penting dalam menjamin kebahagiaan rumah tangga.

Berilah masa dan peluang kepada suami untuk memperbaiki keadaan dan hubungan suami isteri.